



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12/9/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



Aminuddin (tengah) pada sidang media di Wisma Negeri semalam.

### **Tiada kenaikan tarif air di NS**

**SEREMBAN** - Negeri Sembilan masih lagi berpegang dengan pendirian untuk tidak menaikkan kadar tarif air di negeri itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kerajaan negeri menyedari bahawa kos pengurusan dan operasi bekalan air meningkat setiap tahun, namun ia masih mampu ditanggung Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

Beliau berkata, buat masa ini syarikat yang membekalkan air bersih untuk negeri itu masih mampu bertahan dengan kos penyelenggaraan.

"Sekiranya Kerajaan Pusat memutuskan untuk menaikkan kadar tarif air semasa, Ahli Mesyuarat Exco akan mengadakan perbincangan lanjut mengenainya.

"Tetapi sehingga kini kami ma-

sih dengan pendirian untuk tidak menaikkan kadar tersebut," katanya pada sidang akhbar selepas memengerusikan Mesyuarat Exco di Wisma Negeri semalam.

Beliau berkata, meskipun kos semakin meningkat dan keuntungan yang diperoleh juga tidak seberapa, namun beliau yakin SAINS mampu bertahan.

Ahad lalu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, kadar baharu tarif air bagi semua negeri dijangka diumumkan hujung tahun ini.

Terdahulu pada 13 Februari lalu, Aminuddin menegaskan bahawa tiada kenaikan kadar tarif air di negeri ini dalam tempoh dua tahun akan datang.

Beliau berkata, keputusan tersebut dibuat selepas mengambil kepentingan rakyat dan negeri itu.